

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]**

**SOALAN NO. 277**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkhidmatan penerbangan di Miri pada masa kini adalah tidak memadaikan memandangkan Miri hanya mempunyai penerbangan terus ke Singapura sahaja. Miri adalah salah satu pintu masuk kepada tempat-tempat pelancongan di Sarawak kerana ia adalah bandar peranginan dengan daya tarikan semula jadi yang sedia ada seperti pantai-pantai yang cantik dan gua - gua yang penuh dengan sejarah yang terkenal di dunia. Nyatakan usaha yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk menambahkan penerbangan terus dari Miri ke luar negara terutama ke bandar bandar besar seperti Indonesia, China, Korea, Jepun untuk menarik lebih ramai pelancong luar negara ke Sarawak.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Malaysia Airlines Berhad (MAB), AirAsia dan MASwings menyediakan perkhidmatan penerbangan ke/dari Miri dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 362 seminggu dan jumlah tempat duduk yang ditawarkan adalah sebanyak 37,990 tempat duduk.
  
2. Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan terus dari mana-mana negara ke/dari Miri dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
  - i. rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
  
  - ii. memasukkan Miri sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services (MAFLPAS)* dan *Air Transport Agreement Between The Governments Of The Member States Of The Association Of Southeast Asian Nations And The Government Of The People's Republic Of China (AC-ATA)*. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN dan Republik Rakyat China (RRC), tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;

- iii. memasukkan destinasi-destinasi seperti Miri, Sarawak sebagai salah satu daripada destinasi yang diliberalisasikan di bawah kerjasama Brunei Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Memorandum of Understanding (MoU) on Expansion of Air Linkages. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara BIMP-EAGA dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi BIMP-EAGA, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat; dan
    - iv. menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke Miri oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.
  3. Dalam hubungan ini, sebarang rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Sarawak adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.
  4. Selain daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti di atas, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan dalam negara sebagai satu usaha berterusan bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan dari pelbagai laluan ke Miri, Sarawak.

Sekian, terima kasih.